

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :**

YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah diambil bagi meningkatkan nisbah jumlah doktor dengan pesakit di negara ini, kerana difahamkan ketika ini nisbah doktor dengan pesakit di Malaysia begitu tinggi berbanding negara-negara membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan bilangan doktor untuk Negara. Antara langkah-langkah yang diambil ialah penambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan selain dari kepulangan lulusan perubatan luar negara. Selain itu kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif bagi menarik minat doktor dan doktor pakar perubatan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan serta pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional dan pengambilan doktor pakar perubatan luar negara secara kontrak.